

NO. SOALAN: 88

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YBHG. DATO' HAJI IRMOHIZAM
BIN HAJI IBRAHIM
[KUALA SELANGOR]**

SOALAN :

YBhg. Dato' Haji Irmohizam Bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta

PERDANA MENTERI

menyatakan :-

- (a) apakah kedudukan Malaysia dalam Indeks Kebebasan Ekonomi 2015; dan
- (b) adakah Malaysia mencapai penambahbaikan atau kemerosotan dari segi kebebasan daripada rasuah, kebebasan untuk bermiaga dan kebebasan untuk berdagang, kebebasan buruh dan pengurusan perbelanjaan Kerajaan.

JAWAPAN: Y.B SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Indeks Kebebasan Ekonomi (*Index of Economic Freedom*) adalah analisis merentasi negara yang disediakan oleh *The Heritage Foundation* dengan kerjasama *The Wall Street Journal* bagi mengukur impak kebebasan dan pasaran bebas di seluruh dunia. Melalui analisis ke atas pelbagai ekonomi dengan menggunakan metrik untuk menilai saiz kerajaan, keterbukaan pasaran, kecekapan kawal selia dan kedaulatan undang-undang, indeks ini telah membuktikan terdapat hubungan yang kuat antara kebebasan ekonomi dan kemajuan.

Berdasarkan Indeks Kebebasan Ekonomi 2015, Malaysia menduduki tangga ke-31 dari segi kebebasan ekonomi daripada 178 negara berbanding kedudukan ke-37 pada tahun 2014. Pencapaian Malaysia yang lebih baik ini disumbangkan terutamanya oleh penambahbaikan dalam tiga faktor iaitu:

- kebebasan daripada rasuah;
- kebebasan dalam perniagaan; dan
- kebebasan dalam berdagang.

Kedudukan Malaysia juga telah meningkat daripada kategori '*moderately free*' kepada kategori '*mostly free*'. Antara 42 buah negara di rantau Asia Pasifik, kedudukan Malaysia telah bertambah baik kepada kedudukan kelapan berbanding di kedudukan ke sembilan pada tahun 2014. Peningkatan ini adalah disumbangkan oleh kedudukan yang telah

bertambah baik dalam 6 daripada 10 indikator, diterajui oleh peningkatan dalam kebebasan perdagangan, kewangan dan perniagaan.

Sekian. Terima kasih.